

# Dr. Mahathir yakin status

UM 10 FEB 2003

KUALA LUMPUR 9 Feb. — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin status perlumbaan Le Tour de Langkawi (LTdL) akan dapat dipertingkatkan pada masa depan ekoran penyertaan yang semakin menggalakkan daripada pelumba-pelumba handalan dunia.

Beliau juga percaya sokongan padu daripada rakyat Malaysia dan pelbagai pihak yang terlibat dengan penganjuran LTdL akan menjamin masa depan yang cerah bagi acara itu.

“Ini adalah perlumbaan yang hebat. Saya harap perlumbaan ini akan mencapai status yang lebih baik dan saya amat yakin masa depan (LTdL) sangat cerah,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap selepas menyarungkan jersi kuning kepada pelumba Saturn, Tom Danielson, selaku juara keseluruhan LTdL di Dataran Merdeka di sini hari ini.

Persaingan terakhir kriterium peringkat ke-10 sejauh 75.6 kilometer melalui sekitar ibu kota hari ini

dimenangi oleh Ruben Bongiorno dari pasukan Ceramiche Panaria dari Itali.

LTdL kini menikmati status 2.2 yang membolehkan perlumbaan disertai oleh pelumba-pelumba profesional dari seluruh dunia.

Status itu kemungkinan dinaikkan hampir setaraf dengan Tour de France atau Giro d'Italia jika penganjuran LTdL musim ini dapat memikat hati Kesatuan Lumba Basikal Antarabangsa (UCI).

## LTdL dapat dipertingkatkan

Bagi Dr. Mahathir, pelumba-pelumba terkemuka berminat menyertai LTdL kerana perlumbaan dalam iklim Tropika melengkapkan pencapaian mereka dalam sukan tersebut.

Beliau kagum dengan peserta dari negara beriklim sejuk kerana dapat terus menguasai perlumbaan dan menunjukkan ketahanan dalam cuaca panas tropika.

Terdahulu semasa diwawancara oleh saluran sukan antarabangsa ESPN, Dr. Mahathir memberi jaminan akan terus memberi sokong-

an kepada LTdL sungguhpun selepas bersara Oktober ini.

Perdana Menteri juga percaya acara jelajah berbasikal yang diilhamkannya lapan tahun lalu itu akan diteruskan penganjurannya.

Sementara itu, Dr. Mahathir Mohamad berkata, LTdL edisi kelapan yang berakhir di sini hari ini membuktikan Malaysia adalah sebuah negara aman.

Katanya, liputan secara langsung ke-40 buah negara bukan sahaja

memberi peluang kepada rakyat asing menyaksikan perlumbaan hebat itu malah dapat mengenali Malaysia secara lebih mendalam.

“Kita selalunya tidak mendapat liputan media yang baik dan ini adalah peluang untuk melihat Malaysia seadanya.

“Dan saya percaya mereka menyedarinya. Ini adalah sebuah negara yang aman di mana rakyat pelbagai kaum dapat bergaul dan kita tidak menghadapi masalah dengannya,” tegas beliau.